



*Ringkasan*

# **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**





## **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

Penyusunan Semula Keutamaan Pembangunan Malaysia

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Website      <http://www.mea.gov.my>  
Email          webmaster@mea.gov.my

Tel            603-8000 8000  
Faks          603-8888 3755

Dikeluarkan pada 5 Oktober 2019  
Cetakan semula pada 1 November 2019

### **Hak Cipta Terpelihara ©**

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Malaysia.



**ATTIN PRESS SDN BHD**

اتین پرسس سdn بhd

Dicetak oleh  
Attin Press Sdn Bhd  
Taman Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan,  
Selangor

Tel        03-7984 7626

# DEFINISI

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah Iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

# MATLAMAT

Matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

# OBJEKTIF

## WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

# 2030

I

### PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA

Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.

►► Menstruktur  
Ekonomi

2

### MENANGANI JURANG KEKAYAAN DAN PENDAPATAN

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantauan bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

►► Menangani  
Ketidaksamaan

3


### NEGARA BERSATU, MAKMUR DAN BERMARUAH

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

►► Membina  
Negara

# ASAS PERTIMBANGAN KEMAKMURAN BERSAMA

Isu dan cabaran berkaitan struktur ekonomi dan jurang pembangunan



**Ekonomi Bumiputera  
tidak berkembang  
seiring dengan  
pembangunan dan  
kemajuan negara**



**Rasuah dan salah  
guna kuasa  
menjejaskan  
pertumbuhan dan  
pengagihan ekonomi**



**Kegiatan monopoli  
dan pencatutan  
dalam pasaran**


# PERTUMBUHAN EKONOMI MASIH BELUM MENCAPAI POTENSI SEBENAR

## Prestasi KDNK Malaysia

Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah lebih perlahan berbanding dengan Asia Timur dan Pasifik




KDNK mengikut Serantau dan Negara terpilih, 2000-2018



## Kebergantungan kepada komoditi

Ekonomi Malaysia masih bergantung kepada produk komoditi yang berhadapan dengan risiko ketidaktentuan harga dan boleh mengakibatkan kegawatan ekonomi



Peratusan eksport produk petroleum dan gas meningkat daripada 6% (1998) kepada 15.5% (2018)


# INDUSTRI DENGAN NILAI DITAMBAH DAN TEKNOLOGI YANG RENDAH

Tahap penggunaan teknologi tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan masih rendah, iaitu 37% dan 20%



Kadar Penggunaan Teknologi dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, 2018

Kadar Penggunaan Teknologi,  
% kepada Jumlah Sektor




# JURANG ANTARA KUMPULAN PENDAPATAN

Bahagian pampasan pekerja (CE) kepada KDNK di Malaysia masih rendah berbanding negara maju



Bahagian CE kepada KDNK di Malaysia berbanding negara maju, 2018

Bahagian CE,  
% kepada KDNK



## ISU UTAMA



Kebergantungan  
yang tinggi kepada  
pekerja asing

72.8%



Tahap produktiviti  
buruh yang rendah



Pelaburan dalam  
automasi masih  
rendah


# JURANG PENDAPATAN PENENGAH BULANAN ANTARA KUMPULAN ISI RUMAH SEMAKIN MELEBAR

Jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan isi rumah T20 dan B40 telah meningkat daripada RM1,935 pada tahun 1989 kepada RM10,148 pada tahun 2016



Nilai Jurang Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah T20-B40

Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah, RM




# JURANG PENDAPATAN PENENGAH BULANAN ANTARA KUMPULAN ISI RUMAH SEMAKIN MELEBAR

Jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan etnik Bumiputera dan Cina adalah RM497 pada tahun 1989, meningkat hampir 4 kali ganda kepada RM1,736 pada tahun 2016




Nilai Jurang Pendapatan Penengah antara Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik Bumiputera dan Cina, 1989-2016



Jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan etnik India dan Cina juga melebar sebanyak 4 kali ganda daripada RM286 pada tahun 1989 kepada RM1,154 pada tahun 2016



Nilai Jurang Pendapatan Penengah antara Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik India dan Cina, 1989-2016




# BUMIPUTERA MASIH KETINGGALAN DALAM BIDANG PEKERJAAN PROFESIONAL TERPILIH

Kesemua bidang profesional terpilih kecuali doktor gigi dan juruukur didominasi oleh kumpulan etnik bukan Bumiputera



Bumiputera dalam Profesional Berdaftar Terpilih, 2010 dan 2014



# SUMBANGAN PKS BUMIPUTERA KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI MASIH RENDAH



Purata nilai ditambah oleh PKS Bumiputera rendah berbanding nilai ditambah PKS bukan Bumiputera



PKS Bumiputera




PKS Bukan Bumiputera

# SUMBANGAN PENDAPATAN BUMIPUTERA KEPADA KDNK MASIH KECIL

Sumbangan sebenar Bumiputera kepada KDNK hanyalah 28% berbanding 46% yang direkodkan dengan mengambil kira sumbangan GLC



Anggaran Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Kumpulan Etnik Bumiputera, 2014




<sup>1</sup> Termasuk pendapatan Cukai dan Subsidi

<sup>2</sup> Lebihan Kendalian Kasar (GOS)


<sup>3</sup> Bahagian Pampasan Pekerja (CE)

# JURANG PEMBANGUNAN ANTARA WILAYAH SEMAKIN MELEBAR

Jurang pendapatan penengah isi rumah bandar dan luar bandar semakin melebar hampir 6 kali ganda dalam tempoh 27 tahun



Pada tahun 2018, WP Kuala Lumpur dan Selangor sahaja telah menyumbang hampir 40% kepada KDNK negara berbanding lima negeri terpilih



## SABOTAJ EKONOMI



Sumbangan PKS Bumiputera pada Tahun 2015 Berbanding Jumlah Perolehan Kerajaan Sepanjang 20 Tahun



**RM1.1  
TRILION**

Perolehan Kerajaan untuk pembangunan, bekalan dan perkhidmatan selama 20 tahun  
(RMKe-7 sehingga RMKe-10)



**LEBIH  
50%**

Anggaran kontrak yang diberikan kepada golongan Bumiputera bagi tempoh 20 tahun



**KURANG  
9%**

Sumbangan PKS Bumiputera kepada KDNK pada tahun 2015

## RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA MENJEJASKAN PERTUMBUHAN DAN PENGAGIHAN EKONOMI



### Kesan Rasuah

Agenda Bumiputera telah dibelenggu oleh amalan rasuah serta pemesongan pengagihan dalam rantaian bekalan daripada tujuan asal untuk memperbaiki keadaan ekonomi Bumiputera.

# PRINSIP PANDUAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

WKB telah menetapkan 15 Prinsip Panduan yang mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia yang unik sebagai panduan kepada penyediaan teras strategik dan pemboleh daya serta pencapaian sasaran

I

Pembangunan  
untuk  
Semua



2

Menangani  
Jurang  
Kekayaan &  
Pendapatan



3

Negara Bersatu,  
Makmur &  
Bermaruah



Kemakmuran  
Berterusan



Masyarakat  
Peribelajar



Paksi  
Ekonomi Asia



Kesaksamaan  
Keberhasilan



Ekonomi Masa  
Hadapan



Demokrasi &  
Kestabilan



Pertumbuhan  
Saksama



Pendekatan  
Ekonomi Keperluan



Integriti & Tadbir  
Urus Yang Baik



Ekonomi  
Teragih



Ekonomi Politik  
Berinstansi



Perpaduan dalam  
Kepelbagaiaan



Keterangkuman



Model  
Kesaduan Sosial



Kedaulatan &  
Kelestarian

# TERAS STRATEGIK WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



TERAS  
STRATEGIK

I



TERAS  
STRATEGIK

2



TERAS  
STRATEGIK

3

## EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI

Contoh Sasaran:

- PKS dan perniagaan mikro menyumbangkan 50% kepada KDNK
- Mewujudkan 30% daripada jumlah syarikat PKS dalam bidang teknologi tinggi yang intensif dalam subsektor pembuatan dan perkhidmatan
- Sekurang-kurangnya 20% PKS Bumiputera dalam setiap subsektor berintensifikasi teknologi tinggi
- PKS Bumiputera menyumbang sebanyak 20% kepada KDNK

## AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA (KEGA)

Contoh Sasaran:

- Pelaburan dalam jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan
- Sumbangan subsektor berteknologi tinggi kepada sektor berkaitan meningkat:
  - Pembuatan: 50%
  - Perkhidmatan: 30%
- Malaysia membangunkan aktiviti baharu utama yang kukuh seperti berikut:
  - Hub Kewangan Islam 2.0
  - Komoditi Malaysia 2.0
  - Tenaga Boleh Baharu
  - Pusat Kecemerlangan
  - Ekonomi Hijau
  - Hub ASEAN

## MODAL INSAN

Contoh Sasaran:

- 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga
- Majoriti tenaga kerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan sektor ekonomi masa hadapan adalah Bumiputera
- 40% latihan HRDF merupakan kemahiran yang berkait dengan 4IR
- Sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET
- Penawaran program di universiti dan institut latihan akan diselaras dengan kehendak dan keperluan industri
- Meningkatkan pekerja tempatan dan Bumiputera dalam pengurusan dan profesional MNC



## TERAS STRATEGIK

**4**

### PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA

Contoh Sasaran:

- Pasaran buruh Malaysia bebas daripada diskriminasi ke atas umur, gender, etnik dan agama
- Purata kenaikan gaji kepada % nilai produktiviti meningkat setiap tahun
- Tindakan sabotaj ekonomi dan diskriminasi ditangani
- Meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh selari dengan kualiti teknologi dalam industri mengikut sektor
- Pengurangan jumlah pekerja asing dengan melaksanakan ambang mengikut sektor tenaga kerja
- Meningkatkan sumbangan bahagian pampasan pekerja (CE) Bumiputera kepada KDNK



## TERAS STRATEGIK

**5**

### KESEJAHTERAAN SOSIAL

Contoh Sasaran:

- Kesamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit
- Mengukur tahap kemiskinan menggunakan kemiskinan relatif
- Membina pusat jagaan harian di setiap lokaliti
- Nilai rumah mampu milik berdasarkan kos pembelian rumah berjumlah 30% daripada pendapatan penengah isi rumah di Malaysia



## TERAS STRATEGIK

**6**

### KETERANGKUMAN WILAYAH

Contoh Sasaran:

- Sistem pengangkutan awam bersepada antara bandar ke desa
- 10 syarikat tersenarai (separuh daripada mereka adalah syarikat Bumiputera) di setiap negeri membangun
- Mengurangkan perbezaan pendapatan antara wilayah 0.5 kali
- Penilaian semula kuantiti dan kualiti tanah rizab Melayu
- Pengenalan wilayah panas ekonomi baharu khususnya di kawasan luar Lembah Kelang
- Memastikan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kritis Negara (hospital, sekolah, jambatan) dipenuhi



## TERAS STRATEGIK

**7**

### MODAL SOSIAL

Contoh Sasaran:

Mencapai peningkatan positif bagi indeks berikut:

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks Perpaduan</li> <li>• Petunjuk Integriti dan Anti Rasuah</li> <li>• Indeks Keharmonian Agama</li> <li>• Indeks Perubahan Alam Sekitar dan Iklim</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks Anti Dadah</li> <li>• Indeks Pencegahan Jenayah</li> <li>• Indeks Keharmonian Kejiranan</li> <li>• Indeks Kesihatan Rakyat</li> <li>• Indeks Keharmonian Keluarga</li> </ul> |
|---|--|

### KEBERHASILAN BUMIPUTERA TERANGKUM DALAM SEMUA TERAS STRATEGIK

# CADANGAN 15 AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA (KEGA)

**I**

**KEGA 1:**  
Hub  
Kewangan  
Islam 2.0

**2**

**KEGA 2:**  
Ekonomi  
Digital

**3**

**KEGA 3:**  
Revolusi  
Perindustrian  
Keempat (4IR)

**4**

**KEGA 4:**  
Industri  
Kandungan

**5**

**KEGA 5:**  
Hub ASEAN

**6**

**KEGA 6:**  
Hub Halal &  
Makanan

**7**

**KEGA 7:**  
Komoditi  
Malaysia 2.0

**8**

**KEGA 8:**  
Pengangkutan  
Logistik &  
Mobiliti Lestari

**9**

**KEGA 9:**  
Ekonomi  
Pesisiran &  
Maritim

**10**

**KEGA 10:**  
Pusat  
Kecemerlangan

**II**

**KEGA 11:**  
Tenaga  
Boleh  
Baharu

**12**

**KEGA 12:**  
Ekonomi  
Hijau

**13**

**KEGA 13:**  
Pertanian  
Pintar &  
Bernilai  
Tinggi

**14**

**KEGA 14:**  
Perkhidmatan  
Termaju  
& Moden

**15**

**KEGA 15:**  
*Pelancongan:  
Malaysia Truly  
Asia*

# CADANGAN TABURAN WILAYAH EKONOMI, KEGA

## PERLIS

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekopelancongan
- Pertanian bernilai tinggi
- Tenaga boleh baharu

## PULAU PINANG

- Hub logistik
- Perindustrian teknologi tinggi
- Pelancongan kesihatan
- Pelancongan dan warisan
- Pusat kecemerlangan teknologi

## PERAK

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Perikanan dan perternakan berteknologi tinggi
- Industri desa
- Hub ekonomi industri kreatif

## SELANGOR

- Pembuatan, automotif dan MRO
- Hub Industri 4.0 dan hi-tech park
- Pelabuhan dan logistik
- Ekonomi digital dan teknologi disruptif
- Pertanian pintar

## WP KUALA LUMPUR

- Pelancongan ASIA (Gerbang ASIA)
- Hub kewangan serantau
- Hub *Islamic Fintech 2.0*

## WP PUTRAJAYA


- Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- Hub diplomatik

## NEGERI SEMBILAN

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- *Malaysia Vision Valley*
- Pertanian pintar dan bernilai tinggi

## MELAKA

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Hub halal
- Bandar Pintar



#### KEDAH

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Pertanian dan penternakan moden
- Industri aeroangkasa

#### KELANTAN

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekonomi kebudayaan dan luar bandar
- Pelancongan warisan
- Industri pembuatan desa
- Agropelancongan dan ekopelancongan

#### TERENGGANU

- Ekonomi komoditi dan produk hilir
- Pelancongan pulau dan pesisir
- Ekonomi pesisir dan perikanan
- Hub pendidikan menengah
- Pemprosesan petroleum hilir

#### PAHANG

- Ekopelancongan
- Ekonomi komoditi dan produk hilir
- Perlombongan moden
- Hub pengangkutan dan logistik
- Pertanian berteknologi tinggi

#### JOHOR

- Gerbang Selat Melaka (Hub logistik dan *transhipment*)
- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Hub pendidikan wilayah selatan
- Hub tanaman makanan
- Aktiviti hilir berkaitan petroleum

#### SABAH


- Ekopelancongan
- Ekonomi sempadan
- Pemprosesan petroleum hilir
- Ekonomi komoditi dan produk hilir
- Ekonomi komoditi dan akuakultur
- Perikanan dan akuakultur

#### SARAWAK

- Ekonomi komoditi dan produk hilir
- Petroleum dan LNG
- Ekopelancongan
- Pertanian dan penternakan berteknologi tinggi
- Tenaga boleh baharu

# LAPAN PEMBOLEH DAYA WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

Keupayaan, sumber dan pemangkin yang menyumbang kepada kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama



# SASARAN KE ARAH MENCAPAI WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Indikator utama yang boleh diukur bagi menentukan pencapaian matlamat dan objektif WKB

<b>KDNK</b> mencapai <b>RM3.4</b> trillion pada harga nominal pada tahun 2030 dengan purata kadar pertumbuhan 4.7% setahun pada harga malar dalam tempoh 2021-2030	<b>PKS DAN PERNIAGAAN MIKRO</b> menyumbang <b>50%</b> kepada KDNK
<b>SUMBANGAN ENTERPRIS BUMIPUTERA</b>  sebanyak <b>20%</b> kepada KDNK	<b>PURATA PENDAPATAN WAJAR</b>  tidak kurang daripada <b>RM5,800</b> sebulan untuk golongan B40
<b>GAJI PENENGAH BULANAN</b>  B : C : I 1 : 1 : 1  Nilai 2016 Penengah B:C = 0.88:1, I:C = 0.82:1	<b>PENDAPATAN ISI RUMAH (HHI)</b>  HHI Penengah HHI B40 Penengah  B : C : I      B : C : I 0.9 : 1 : 1      0.9 : 1 : 1  Nilai 2016 Penengah B:C = 0.74:1; I:C = 0.81:1
<b>ASET KEWANGAN PER KAPITA</b>  B : C      I : C 0.6 : 1      0.8 : 1  Nilai Semasa B : C = 0.5 : 1 I : C = 0.7 : 1	<b>BAHAGIAN PAMPASAN PEKERJA (CE)</b>  adalah <b>48%</b> kepada KDNK (CE 2018 = 35.7%)
<b>NISBAH JURANG PEMBANGUNAN WILAYAH</b>  U : PT : T : SE : S : SR 1.6 : 2.0 : 1.0 : 1.4 : 1.5 : 1.2  Analisis Institut MASA 2019 U : PT : T : SE : S : SR 2.1:2.7:1.0:1.7:2.6:1.3	<b>PEKALI GINI</b>  pada 0.34

Nota:

**B** – Bumiputera | **C** – Cina | **I** – India | **NB** – Bukan Bumiputera

**U**: Utara | **PT**: Pantai Timur | **T**: Tengah | **SE**: Selatan | **S**: Sabah | **SR**: Sarawak

# PENGURUSAN POLARITI

Pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) akan meliputi semua rakyat Malaysia. Selaras dengan konsep kesaksamaan yang mendasari WKB, beberapa kumpulan akan diberi keutamaan bagi mempertingkat kedudukan sosioekonomi untuk memastikan kumpulan tersebut tidak ketinggalan.

Pengurusan polariti adalah model untuk menguruskan isu yang dihadapi oleh kumpulan minoriti dan kumpulan sasar khusus. Namun, pengurusan polariti adalah mustahak dan penting bagi memastikan isu yang timbul dapat dikendalikan dengan baik agar tidak menjelaskan keharmonian negara. Dalam membentuk model pengurusan polariti di bawah WKB, beberapa kumpulan sasar utama telah dikenal pasti.



# **WKB PERLU MENCAPAI INDIKATOR SOSIAL DALAM MEMASTIKAN PEMBANGUNAN YANG HOLISTIK DAN MENEPATI KEHENDAK PELBAGAI BUDAYA SELARAS DENGAN IDENTITI NASIONAL**

WKB harus dibangunkan selaras dengan asas dan keperluan akar umbi masyarakat bagi memastikan pembangunan yang holistik dan saksama untuk semua. Pembangunan ini berpaksikan identiti nasional yang telah mengekalkan perpaduan negara dengan nilai tambah yang positif dan berdaya maju. Beberapa contoh indikator sosial termasuk dan tidak terhad kepada:

---

**1 INDEKS PERPADUAN**

---

**3 INDEKS KEHARMONIAN AGAMA**

---

**5 INDEKS PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR**

---

**7 INDEKS PENCEGAHAN JENAYAH**

---

---

**2 INDEKS INTEGRITI DAN ANTI RASUAH**

---

**4 INDEKS KESIHATAN RAKYAT**

---

**6 INDEKS ANTI DADAH**

---

**8 INDEKS KEHARMONIAN KEJIRANAN**

---

## KESIMPULAN

- 1** Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai naratif pembangunan baharu Malaysia yang merangkumi kerangka dan hala tuju ekonomi untuk mencapai pertumbuhan yang mampan
- 2** WKB akan memastikan pengagihan ekonomi yang lebih adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan
- 3** Peralihan daripada ekonomi berintensifkan buruh yang berkemahiran rendah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan akan diberi keutamaan
- 4** Pelaksanaan dasar dan program yang berkesan bagi memastikan rakyat dapat menikmati taraf hidup yang wajar
- 5** Tumpuan akan diberi untuk memperkuuh tadbir urus dan integriti bagi mencegah ketirisan dan insiden rasuah
- 6** Penekanan akan lebih tertumpu kepada prinsip kesaksamaan keberhasilan berbanding kesaksamaan peluang


## 15 PRINSIP PANDUAN

	Kemakmuran Berterusan		Kesaksamaan Keberhasilan		Pertumbuhan Saksama
	Ekonomi Teragih		Masyarakat Peribelajar		Ekonomi Masa Hadapan
	Pendekatan Ekonomi Keperluan		Ekonomi Politik Berinstitusi		Paksi Ekonomi Asia
	Demokrasi & Kestabilan		Integriti & Tadbir Urus yang Baik		Perpaduan dalam Kepelbagai

## 8 PEMBOLEH DAYA

	Kemampuan Fiskal		Modal Kewangan		Keberkesanan Penyampaian Institusi		Tadbir Urus & Integriti
	Pendidikan & TVET		Data Raya		Kelestarian		Masyarakat Berpencerahan

# KERANGKA KERJA WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA **2030**



OBJEKTIF

PRINSIP  
PANDUAN

TERAS  
STRATEGIK

PEMBOLEH DAYA



